



KEMENTERIAN KOMUNIKASI  
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

## KENYATAAN MEDIA

---

### **PENGUMUMAN PELANTIKAN PENERUSI SURUHANJAYA KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA (SKMM) BAHARU**

Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) dengan sukacitanya mengumumkan pelantikan Al-Ishsal Ishak sebagai Pengerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang baharu, untuk tempoh dua tahun berkuatkuasa 1 Oktober 2018.

Al-Ishsal Ishak memegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia dan merupakan pemegang biasiswa Japan Airlines di Sophia University, Tokyo.

Selepas tamat pengajian, beliau menceburi bidang keusahawanan di arena digital dari tahun 1994 sehingga 2008. Beliau kemudiannya menjadi Ketua Pegawai Digital McCann Ericsson Worldgroup; Ketua Pegawai Eksekutif Baraka Telecom; Naib Presiden Kanan, Pemasaran & Produk di Syarikat Penerbangan Malaysia Berhad; Ketua Kumpulan Ancillary AirAsia dan kemudiannya memegang pelbagai jawatan pegawai kanan di Tune Group.

Beliau juga merupakan Pengarah Urusan Asia Tenggara ECO Capacity Exchange Ltd (London) serta pelatih dan perunding untuk Kumpulan Airbus sebelum menyertai Pos Malaysia Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan.

Al-Ishsal Ishak juga pernah berkhidmat di Lembaga Malaysia Digital Economy Corporation (MDeC) dan merupakan bekas ahli National Information Technology Council (NITC).

**GOBIND SINGH DEO**  
**MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA**  
**26 SEPTEMBER 2018**